

Ekspor Disember S'pura tumbuh lebih perlahan

Bagi keseluruhan tahun lalu, ekspor tumbuh sekitar 9.2 peratus, rentak pertumbuhan paling kukuh sejak 2010

► **ATIYYAH MOHD SAID**
atiyyahm@sph.com.sg

SYARIKAT pengeksport setempat mengakhiri 2017 dengan keadaan kurang rancak selepas mencatatkan pertumbuhan tinggi sepanjang tahun, menyusuli prestasi kiriman di bawah jangkaan pada Disember.

Ekspor Bukan Minyak Dalam Negeri

(NODX) – yang menjadi kayu ukur prestasi ekspor utama Singapura – tumbuh 3.1 peratus pada Disember, menurut perangkaan agensi dagangan, International Enterprise (IE) Singapore semalam.

Ini lebih rendah daripada ramalan pakar ekonomi, iaitu pertumbuhan 8.6 peratus, dan lebih perlahan daripada prestasi bulan sebelumnya sebanyak 9.1 peratus.

Menurut laporan IE Singapore, ini selepas ekspor elektronik, yang menjadi pemacu pertumbuhan ekonomi sejak setahun lalu, merosot sebanyak 5.3 peratus pada Disember berbanding tempoh yang sama tahun lalu.

Namun, kiriman bukan elektronik mengimbangi kejatuhan dengan meningkat 6.8 peratus.

Kiriman NODX Singapura ke 10 pasaran utama berkembang – kecuali Hongkong, Taiwan, China, Thailand dan Indonesia.

Penyumbang utama bagi kenaikan NODX adalah Kesatuan Eropah (EU), Korea

Selatan dan Malaysia.

Bagi keseluruhan tahun lalu, NODX tumbuh sekitar 9.2 peratus, mengambil kira perangkaan terkini pada Disember.

Ini merupakan rentak pertumbuhan paling kukuh sejak 2010 dan melebihi ramalan rasmi sebelumnya.

Awal dari ini, IE Singapura meramalkan NODX akan meningkat 6.5 peratus hingga 7 peratus bagi seluruh 2017.

Mengulas prestasi itu, Pensyarah Kanan SIM Global Education, Dr Tan Khay Boon berkata:

“Kadar pertumbuhan NODX lebih seder-

hana mungkin satu perkembangan sihat dalam sektor ekspor kerana ia lebih mampan untuk ekonomi.

“Ia juga positif buat ekonomi dengan permintaan lebih kukuh dalam pengeluaran bukan elektronik dapat mengimbangi pengurangan permintaan bagi elektronik.”

Dr Tan tetap optimis bagi peluang ekonomi jangka masa terdekat memandangkan NODX ke pasaran utama seperti EU telah meningkat.

“Faktor yang boleh menjejaskan adalah langkah perlindungan dan kegelisahan di Semenanjung Korea,” tambahnya.

Sementara itu, Cik Selena Ling, pakar ekonomi OCBC, berkata apa yang membimbangkan berdasarkan perangkaan terkini ialah NODX ke pasaran ekspor terbesar, China telah merosot sebanyak 6 peratus.

“Ini perlu terus dipantau untuk melihat sama ada kemerosotan pada Disember ini bersifat musiman atau tidak, memandangkan China adalah hab rantaian bekalan global dan pasaran penting bagi permintaan terakhir di rantau ini,” jelasnya.